

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP  
[ MERBOK ]**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 22**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan keberkesanan tindakan yang telah diambil setakat ini bagi membanteras kegiatan pencerobohan nelayan asing ke perairan negara. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan isu ini tidak selesai.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Pencerobohan vesel nelayan asing sering berlaku di perairan negara dengan kebanyakan kes melibatkan vesel daripada Vietnam, Thailand, Indonesia dan Filipina. Kementerian ini menganggarkan sebanyak RM3 bilion hingga RM6 bilion hasil laut negara hilang setiap tahun akibat daripada aktiviti pencerobohan vesel nelayan asing tersebut. Pengiraan anggaran ini dibuat berdasarkan kepada data daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan kajian teknikal yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF).

2. Dalam membanteras kegiatan pencerobohan vesel nelayan asing di perairan negara, Kementerian telah mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

- (i) Melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu di kawasan *'hotspot'* yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Merujuk kepada laporan APMM, sehingga bulan Oktober 2019, sebanyak 162 vesel nelayan asing yang menceroboh perairan negara telah ditahan melalui Ops NAGA dan GELORA Khas.
- (ii) Memantau pergerakan vesel penangkapan ikan di perairan negara secara *real-time* melalui skrin pemantauan bilik operasi DOF. Vesel nelayan asing yang menceroboh perairan negara akan dilaporkan kepada APMM bagi tujuan perkongsian data untuk tindakan bersama. Pada tahun 2019, sebanyak 284 laporan telah dikemukakan oleh DOF kepada APMM.
- (iii) Mempertingkatkan program pemutihan vesel laut dalam berdasarkan undang-undang, syarat dan dasar pelesenan yang ditetapkan bagi memastikan lesen yang diluluskan adalah pengusaha yang benar-benar tulen sahaja. Pada tahun 2019, sebanyak 51 lesen vesel laut dalam telah dibatalkan di bawah program ini.

3. Kementerian percaya tindakan yang dilaksanakan secara berterusan ini berkesan dalam mengekang kegiatan pencerobohan vesel nelayan asing daripada terus berleluasa. Namun, terdapat beberapa faktor-faktor lain yang menyebabkan isu ini tidak dapat diselesaikan sepenuhnya seperti berikut:

- Keluasan perairan negara adalah luas;
- Keupayaan penguatkuasaan secara "omnipresence" tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan aset sedia ada dan pegawai di lapangan adalah terhad; dan
- Komitmen dan kerjasama negara serantau dalam mengawal pergerakan vesel nelayan negara masing-masing.

4. Kementerian juga amat komited untuk meningkat kerjasama strategik di dalam dan luar negara bagi membanteras pencerobohan nelayan asing di perairan negara.

5. Selaras dengan pembangunan teknologi, DOF kini sedang melaksanakan '*pilot project*' bagi menggunakan *Quick Response Code - QR* dan *Radio Frequency Identification - RFID* ke atas vesel laut dalam sebagai kaedah identifikasi vesel tempatan di laut. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan pengklonan vesel nelayan tempayan dan pencerobohan vesel nelayan asing.

Sekian, terima kasih.